

Terapi Lintah Menggelikan Tetapi Mujarab

Oleh SITI ZUBAIDAH I. dan NOR SUHANA A.H

HIRUDOTERAPI atau dalam istilah yang lebih mudah ialah terapi lintah. Banyak orang yang agak kurang selesa menggunakan haiwan hidup ini sebagai rawatan kerana menggelikan untuk dipegang. Terdapat sejumlah 650 spesies lintah wujud di seluruh dunia yang berhabitat di kawasan paya, sungai, laut dan kawasan lain yang berair. Daripada jumlah tersebut, hanya 15 spesies lintah digunakan dalam perubatan.

Hirudoterapi mula diperkenalkan oleh Avicenna pada tahun 1020. Terapi ini merupakan antara terapi perubatan yang paling lama diamalkan oleh manusia. Penggunaan lintah dalam perubatan wujud dalam tamadun Greek, Rom, India, Mesir dan Arab. Penggunaan lintah sebagai terapi di Malaysia telah lama diamalkan oleh masyarakat tempatan sebagai salah satu rawatan tradisional.


Masyarakat Melayu, menggunakan lintah untuk merawat penyakit sawan, resdung dan luka. Mulut lintah akan dimasukkan tujuh biji lada sulah, kemudian digantung pada para api selama 40 hari sehingga kering. Apabila perlu untuk rawatan, lintah tersebut akan dicanai pada batu asah dan dimasukkan tiga titik ke dalam hidung penyakit sawan.

Lintah mempunyai kedua-dua organ pembiakan jantan dan betina yang dikenali sebagai hermafrodit. Lintah mendapatkan makanan melalui deria bau (kemoreseptor) atau melalui gegaran (mekanoresepstor) dengan menggunakan sensila. Mangsa dikenal pasti dengan menggunakan kedua-dua reseptor tersebut. Lintah mempunyai rahang bergigi pada bahagian anterior yang akan melekap pada mangsa. Lintah mengeluarkan agen antipembekuan darah (hirudin) ketika menghisap darah mangsa. Seekor lintah boleh menghisap 5 – 15 milliliter darah dalam suatu masa bergantung pada saiznya.

Spesies lintah yang biasa digunakan dalam perubatan ialah *Hirudo medicinalis*, *Hirudo*



Terapi lintah merencangkan pertumbuhan bakteria.



Struktur lintah.

asiatica dan *Hirudo manillensis*. Hirudoterapi digunakan untuk merawat pesakit sendi artritis, glaukoma, penyakit jantung, reumatik, memulihkan pengaliran darah dalam vena selepas pembedahan kosmetik dan lain-lain. Terdapat sejumlah 100 jenis bahan bioaktif wujud dalam air liur lintah. Hirudin merupakan salah satu protein yang berfungsi sebagai agen antipembekuan darah secara semula jadi.

Namun, kajian secara mendalam terhadap lintah tempatan masih rendah, khususnya di Malaysia. Penyelidikan terhadap lintah tempatan *Hirudina manillensis* ataupun dikenali sebagai lintah kerbau, telah dijalankan oleh saintis tempatan sekitar tahun 1990-an. Dalam kajian tersebut, protein hirudin daripada spesies *Hirudina manillensis* telah dibandingkan dengan spesies dari Benua Eropah (*Hirudo medicinalis*). Perbandingan adalah untuk melihat perbezaan jujukan asid amino yang wujud dalam kedua-dua spesies berkenaan bagi tujuan penghasilan hirudin pada skala besar kerana kuantiti hirudin yang wujud dalam air liur lintah sangat kecil. Keputusan kajian menunjukkan hirudin boleh dihasilkan pada skala besar bagi tujuan pasaran perubatan untuk merawat penyakit trombosis dan rawatan semasa pembedahan.

Kelebihan terapi lintah antaranya termasuklah pembaikpulihan tisu, kitaran

kapilar darah dan kesan antiinflamasi berlaku dalam kadar yang cepat. Sistem pernafasan akan bertambah baik kerana pengudaraan dalam peparu diperbaik untuk melancarkan pengaliran darah pada jantung. Di samping itu, terapi lintah dapat mengurangkan bengkak dengan cara memecahkan darah beku serta meningkatkan imunisasi pada bahagian bengkak tersebut. Seterusnya, air liur lintah bertindak sebagai antibakteria kerana kandungan hirudin yang terdapat dalam air liur lintah dapat merencangkan pertumbuhan bakteria. Hal ini demikian kerana hirudin berfungsi sebagai bakteriostatik dan bakterisidal.

Lintah merupakan organisme paling berkesan untuk membuang darah beku yang terdapat pada luka berbanding terapi perubatan lain. Hirudoterapi dapat meningkatkan nutrien pada tisu serta dapat menggalakkan penyembuhan pada luka tersebut. Kesan sampingan melalui terapi ini sangat sedikit serta dapat digunakan secara meluas untuk merawat dan menyembuhkan luka. **DK**

Dr. Norsuhana Abdul Hamid, Pensyarah Kanan, Bahagian Biologi, Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.